

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 JUNE 2016

Cabaran Wan Azizah imbau luka lama: Idris

BH-24/6/2016

➔ Dr Mahathir digesa tanding PRU jika mahu terajui pembangkang

Oleh Fairuz Zaidan,
Nik Sukry Ramli
dan Hidayah Mahmud
bhnews@bh.com.my

► Ayer Keroh

Cabaran Ketua Pembangkang, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, supaya bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bertanding pada Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang seolah-olah membuktikan 'luka lama berdarah kembali'.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Idris Haron, yakin cabaran Dr Wan Azizah itu mengimbau luka lama peristiwa 1998 apabila suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dipecat sebagai Timbalan Perdana Menteri oleh Dr Mahathir.

Beliau berkata, pemecatan Anwar masih segar dalam ingatan, lebih-lebih lagi ketika bekas pemimpin itu mengheret keluarganya termasuk Dr Wan Azizah dan anaknya, Nurul

Izzah, menjelajah seluruh negara bagi membuktikan dirinya menjadi mangsa konspirasi Dr Mahathir.

Dr M lupa jasa

"Dr Mahathir seolah-olah sudah melupakan semua itu, malah kami yang membelanya dahulu (ketika krisis 1998), hari ini ditohmah pula.

"Pepatah ada menyebut, *what goes around comes around* (setiap perbuatan ada balasan-nya).

"Sekarang, Dr Mahathir menjilat kembali apa ludahnya, sesuatu yang amat sukar untuk diterima," katanya.

Idris mengulas kenyataan Dr Wan Azizah kelmarin yang mencabar Dr Mahathir bertanding dalam PRU akan datang jika tokoh negara itu mahu terus membabitkan diri dalam politik serta menerajui blok pembangkang.

Di **Kuantan**, Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Abdul Rahman Dahlan, percaya Dr Mahathir hanya dijadikan alat oleh pembangkang bagi mencapai agenda politik sempit mereka.

Katanya, tindakan Dr Mahathir secara berterusan menyalahkan UMNO dipercayai berpunca daripada rasa kurang senang dengan pencapaian UMNO dan Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak dan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai

Besar dan Kuala Kangsar.

Rakyat sudah buat pilihan

"Sudah sampai masa beliau (Tun Dr Mahathir) mengakui bahawa rakyat sudah buat pilihan. Pengundi di Sarawak, Sungai Besar dan Kuala Kangsar sudah memilih calon yang mereka mahu.

"Cukuplah... berhentilah dalam keadaan sekarang ini kerana kami nak dalam sisa-sisa kehidupan beliau... untuk melihat beliau sebagai negarawan dihormati," katanya pada sidang media selepas merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Kebakaran dan Jalinan Mesra Bersama Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), di sini, petang kelmarin.

Abdul Rahman berkata, Dr Mahathir sepatutnya menyeda-

ri tindakan pembangkang memeralatkan beliau dan tidak boleh dipercayai.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz menyokong cadangan Wan Azizah supaya Dr Mahathir bertanding pada pilihan raya akan datang jika bercita-cita mahu menjatuhkan Perdana Menteri dan BN.

"Jika Tun (Dr Mahathir) mahu cita-citanya tercapai, dia kena jadi wakil rakyat dan berunding di Dewan Rakyat yang sebenar. Ini lebih berkesan berbanding memimpin kumpulan demonstrasi yang sesiapa pun boleh jadi ketua. Kalau jadi wakil rakyat baru kita respek," katanya.



Keratan akhbar
BH semalam.